

DATE : 17 SEPT 2017
PUBLICATION : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
SECTION : EKONOMI
HEADLINE : SAHAM SERBA DINAMIK NAIK EKORAN UNJURAN
PERTUMBUHAN PENDAPATAN DUA DIGIT
CATEGORY : COMPANY
MEASUREMENT : 101.4CM²
TONE : NEUTRAL
REMARKS : NIL

Saham serba dinamik naik ekoran unjuran pertumbuhan pendapatan dua digit

KUALA LUMPUR: Saham Serba Dinamik Holdings Bhd cergas didagangkan semalam susulan unjuran pertumbuhan pendapatan dua digit bagi tahun kewangan 2017/2018 (FY17/18).

Pada 11.55 pagi, saham Serba Dinamik meningkat dua sen kepada RM2.23, dengan 3.85 juta saham bertukar tangan.

Dalam nota kajiannya se-

malam, Kenanga Investment Bank Bhd berkata ia menjangkakan pendapatan Serba Dinamik berkembang antara 10 dan 15 peratus bagi FY17/18, susulan pertumbuhan yang konsisten antara 15 dan 18 peratus.

Unjuran itu disokong oleh perakuan berperingkat-peringkat projek sedia ada dan 20 peratus kadar kejayaan tender, dengan

RM2 bilion penggantian nilai pemerolehan projek setahun.

“Kami yakin sebahagian besar pendapatan akan berulang dengan kontrak penyelenggaraan mempunyai peluang cerah untuk disambung selepas tempoh kontrak berakhir jika Serba Dinamik menyediakan perkhidmatan berkualiti kepada pelanggannya,” katanya.

Bank pelaburan itu menetapkan sasaran ‘berprestasi pasaran’ ke atas Serba Dinamik, dengan harga sasaran pada RM2.75.

Serba Dinamik terlibat dalam penyediaan perkhidmatan operasi dan penyelenggaraan dalam industri minyak dan gas selain kejuruteraan, pemerolehan, pembinaan dan pengoperasian dalam sektor tenaga. — Bernama



BERANEKA PILIHAN: Seorang pelanggan melihat pelbagai jenis buah dan sayur di kedai dalam pusat beli-belah di Sydney, Australia, baru-baru ini. — Gambar Reuters